

13/09/2000

Filem tempatan perlu dibantu

Zubir Mohd Yunus

TEKNOLOGI elektronik dan multimedia yang disediakan menerusi pembangunan Perkampungan Seni Pintar atau Entertainment Village (E-Village), perlu mengambil kira keperluan perkembangan industri perfileman tempatan.

Pengarah filem dan pensyarah di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Mahadi J Murat, berkata teknologi tidak hanya menjadi penyambung kepada tamadun asing, sebaliknya membuka ruang tamadun tempatan mara seiring keperluan dan kecanggihan yang disediakan bagi karyawan asing. Perkara paling penting ialah kerajaan dapat memikirkan cara untuk membantu pengeluaran filem tempatan supaya penghasilannya bertambah.

"Pembangunan teknologi perlu berjalan seiring dengan faktor perkembangan perfileman. Jika ada dana yang mencukupi untuk menghasilkan filem, kita boleh berdiri sama tinggi dengan pihak lain. Kita tidak boleh bergantung kepada penerbit persendirian untuk menghasilkan filem. Perlu ada satu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menerbitkan filem secara berterusan.

"Selepas itu, barulah kita selesa untuk menggunakan segala kemudahan yang disediakan di sini. Jika tidak, kita hanya maju sebahagian saja dan terus ketinggalan," kata Mahadi ketika ditemui selepas majlis perasmian E-Village, Jumaat lalu.

Pengarah filem veteran, Jamil Sulung, berkata E-Village mempunyai kecanggihan yang tidak tercapai oleh masyarakat filem sebelum ini. Namun, dia belum mengetahui apa yang boleh diberi E-Village kepada karyawan tempatan.

"Bila membabitkan projek mega seperti ini, ia tentu menelan belanja yang tinggi. Justeru, saya mendapat tahu pihak pengurusan E-Village akan menyesuaikan kewangannya dalam penerbitan filem tempatan. Menerusi harga yang sesuai antara dua pihak, diharap kita dapat menghasilkan filem lebih bermutu dan bilangannya terus bertambah dari semasa ke semasa.

"Selain itu, kelengkapan yang ada di E-Village akan mengangkat produksi filem kita ke tahap yang boleh dibanggakan," katanya lagi.

Meskipun E-Village menyediakan lokasi dan kelengkapan kepada karyawan luar menghasilkan filem, ia tidak menjadi masalah kerana masyarakat tempatan berpeluang mempelajari kepakaran mereka.

Pengarah Aziz M Osman berkata, E-Village adalah satu usaha terpuji kerana menyediakan prasarana hebat kepada perkembangan industri perfileman.

"E-Village adalah projek mewah jika dibandingkan dengan saiz industri filem kita yang seperti nyawa-nyawa ikan. Saya hendak tahu dulu kelebihan yang boleh diperolehi karyawan tempatan menerusi pembangunan E-Village. Buat masa sekarang, saya belum mendapat gambaran yang jelas. Filem cereka dan sains fiksyen yang pernah saya hasilkan, teknologinya sudah ada di Hong Kong dan Madras. Kini, teknologi itu sudah ada di Malaysia dan saya anggap ia satu kelebihan kepada karyawan filem," kata Aziz.

Perasmian Fasa 1A E-Village dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia membabitkan Studio Maya dan Studio Bunyi terbesar di Asia.

Perkampungan Hiburan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2007. E-Village membabitkan kawasan seluas 485 hektar di Dengkil, Selangor kira-kira 60 kilometer dari Kuala Lumpur.

Projek mega ini terbahagi kepada tujuh fasa pembangunan yang membabitkan

kos keseluruhan berjumlah RM3 billion.
(END)